

Sawit: India jamin kurang duti import

UM 15 MAY 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

PUTRAJAYA 14 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan India hari ini memberi komitmen untuk mengurangkan duti import minyak sawit Malaysia ke negara tersebut.

Menurut Perdana Menteri, persetujuan itu dicapai dalam pertemuan beliau dengan rakan sejawatannya, Atal Bihari Vajpayee di sini.

Kata beliau, kedua-dua negara juga berpendapat perlunya dipertingkatkan kerjasama dua hala yang lebih rapat terutama dalam forum antarabangsa, perdagangan dan masalah imbangan dagangan yang memihak kepada Malaysia.

"Kerajaan India bersetuju untuk mengkaji mengurangkan duti import minyak sawit ke negara itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pertemuan dengan 500 ahli Persatuan Bekas Tentera Malaysia (PBTM) di sini.

Kementerian Perusahaan Utama sebelum ini meminta kerajaan India mengkaji kemungkinan mengurangkan duti import minyak sawit ke negara itu selain meningkatkan eksport komoditi itu.

Minyak sawit dikenakan duti import kira-kira 92 peratus oleh kerajaan India berbanding minyak soya yang hanya dikenakan duti antara 45 hingga 50 peratus.

Vajpayee tiba di negara ini semalam untuk lawatan rasmi empat hari dalam meningkatkan hubungan ekonomi dan kerjasama antara India dan Malaysia yang mempunyai hubungan sejarah dan budaya.

Ia merupakan lawatan Vajpayee yang pertama ke

Malaysia sejak dilantik sebagai Perdana Menteri India pada Oktober 1999.

Menurut Dr. Mahathir, beliau dan Vajpayee turut berbincang mengenai kerjasama dalam bidang perkakasan dan perisian teknologi maklumat (IT).

"Mereka mengutamakan perisian maklumat manakala kita banyak mengeluarkan perkakasan.

"Selain perisian, kita mesti mengadakan jenis perniagaan berasaskan IT yang perniagaan ini boleh dibuat bersama dengan India," katanya.

Mengulas komitmen firma dan usahawan IT negara itu dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), Dr. Mahathir berkata, setakat ini tiada komitmen ke arah itu sebaliknya terpulung kepada usaha firma tempatan menarik penyertaan mereka.

"Kita tidak boleh paksa tetapi bergantung kepada sektor swasta negara ini bagaimana dapat memberikan mereka jenis pelaburan dan bertindak sebagai rakan kongsi yang baik," katanya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam sidang akhbar selepas upacara sambutan rasmi Vajpayee oleh Dr. Mahathir di sini memberitahu, dua perjanjian dua hala ditandatangani melibatkan pengecualian visa bagi pemegang pasport rasmi dan diplomatik kedua-dua negara serta perjanjian mengelakkan percukaian berganda.

Perjanjian itu dimeterai oleh Syed Hamid dan Menteri Teknologi Maklumat India, Shri Pramod Mahajan.

Selain itu, memorandum persefahaman turut dimeterai melibatkan kerjasama dalam pelaburan, pembina-

an, penswastan dan pengendalian pelabuhan di India, kerjasama teknologi maklumat dan perkhidmatan dan kerjasama dalam perkhidmatan awam, pengurusan kakitangan dan pentadbiran awam.

Memorandum bagi pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar antara Ipoh dan Padang Besar serta memorandum kerjasama antara Suruhanjaya Sekuriti dan Lembaga Sekuriti dan Bursa India turut ditandatangani.

Anjuran

Di majlis yang sama, Vajpayee menerima cek bernilai RM220,000 dan RM1.270 juta yang masing-masing didermakan oleh Majlis Promosi Minyak Sawit Malaysia dan Tabung Gujarat & - an akhbar Tamil Nesan bagi membantu mangsa gempa bumi di negeri Gujarat, India.

Menurut Syed Hamid, para pemimpin kedua-dua negara bersetuju bahawa perdagangan dua hala adalah tidak seimbang dengan jumlah eksport negara ini ke India adalah jauh melebihi import.

"Bagi mewujudkan keseimbangan yang lebih baik, Malaysia bersetuju untuk memberikan kontrak kepada India bagi membina landasan kereta api berkembar antara Ipoh dan Padang Besar itu," katanya.

Memorandum persefahaman bagi projek yang dianggarkan bernilai antara RM5 bilion hingga RM6 bilion itu ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Zaharah Shaari dan

Pengarab Urusan IRCON International Ltd. (India), Arun Prasada.

Syed Hamid berkata, beberapa perjanjian yang ditandatangani juga akan melibatkan dagangan balas iaitu sebarang barangan atau perkhidmatan yang dibeli oleh sebuah negara akan dibalas dengan perkhidmatan atau barangan yang setara nilainya oleh negara yang lain.

"Mekanismenya perlu ditentukan kemudian tetapi kedua-dua pihak telah bersetuju ia akan berasaskan perdagangan balas," tegasnya.

Selain itu, Malaysia dan India turut bersetuju bekerjasama untuk menyuarakan pandangan yang sama dalam beberapa perkara berkaitan pelaburan, pemerolehan dan tenaga buruh di Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), kata Syed Hamid.

Beliau berkata, kerajaan India juga memberkan reaksi positif terhadap cadangan Malaysia supaya diadakan satu kerangka kewangan dunia yang baru bagi menangani pengaliran keluar masuk modal.

Di samping itu, kedua-dua negara bersedia meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan informatik dan pembangunan serta latihan perisian di Malaysia, katanya.

Malaysia dan India juga akan memulakan perbincangan dalam bidang ketenteraan bagi menentukan kerjasama yang boleh dijalin dalam meningkatkan pembangunan ketenteraan kedua-dua negara, tambahnya.